



GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN (AITS)

Disediakan oleh:

ISN TECH
INNOVATING SPORTS

**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN
KEBANGSAAN (AITS)**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk mengenalpasti pemenang Anugerah Inovasi Teknologi Sukan Kebangsaan (AITS). Garis panduan ini mengandungi syarat-syarat kelayakan, kriteria penilaian AITS, tatacara permohonan AITS dan proses penilaian dan pemilihan penerima AITS.

2. ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN

2.1 PENGENALAN

Anugerah Inovasi Teknologi Sukan Kebangsaan merupakan anugerah yang julung-julung kali diperkenalkan pada tahun 2022 bagi memberi peluang kepada semua warganegara Malaysia yang meliputi orang perseorangan, penyelidik, jurutera, ahli akademik, agensi kerajaan, agensi swasta, institut penyelidikan, pelajar sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Malaysia khususnya dalam bidang teknologi sukan seterusnya merancakkan industri sukan tanah air.

2.2 DEFINISI INOVASI

Inovasi ialah cetusan idea-idea kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau adaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah

nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau aplikasi.

2.3 OBJEKTIF ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN

Objektif AITS adalah untuk:

- i. Memberi pengiktirafan kepada produk/hasil inovasi teknologi sukan terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat bagi mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti;
- ii. Menggalakkan lebih banyak inovasi hasil penyelidikan yang dilaksanakan dan dikomersialkan khususnya dalam bidang teknologi sukan;
- iii. Memperkenal dan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara mereka yang terlibat dalam bidang R&D teknologi sukan; dan
- iv. Mengumpul maklumat dan mempromosikan produk/hasil inovasi oleh segenap lapisan masyarakat.

2.4 KATEGORI ANUGERAH

Anugerah Inovasi Teknologi Sukan Kebangsaan terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

- i. Anugerah Inovasi Teknologi Sukan (Antarabangsa)
- ii. Anugerah Inovasi Teknologi Sukan (Domestik)
- iii. Anugerah Inovasi Teknologi Sukan (Harapan)

Anugerah PERDANA – Projek inovasi yang telah berjaya dikomersialkan di pasaran antarabangsa (*international market penetration*) akan dipertimbangkan bagi anugerah khas ini.

2.5 HADIAH ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN

Pemenang-pemenang AITS akan menerima hadiah berupa wang tunai dan/atau trofi serta sijil penghargaan*.

**Jumlah pemenang dan bentuk hadiah adalah tertakluk kepada perubahan*

2.6 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan/atau syarikat tempatan.
- ii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berkaitan dengan bidang teknologi sukan seperti sistem dan aplikasi komputer berkaitan sukan, peralatan sukan, pakaian sukan, pemakanan sukan, perubatan sukan dan sebagainya.

- iii. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Namun begitu, hanya penyertaan yang terbaik sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang.
- iv. Peserta boleh menghantar penyertaan untuk projek inovasi yang telah disertai atau dimenangi pada tahun-tahun sebelumnya dengan syarat terdapat **penambahbaikan atau kemajuan** dari segi *Technology Readiness Level* (TRL), fungsi, penembusan pasaran (*market penetration*) dan lain-lain.

2.7 KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN

Kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan AITS adalah seperti berikut:

- i. Inovasi yang dihasilkan merupakan yang baru atau pertama dicipta untuk negara/jabatan atau melalui adaptasi (*creative adaptation*).
- ii. Impak kepada proses kerja dan ekonomi.
- iii. Kecekapan dan keberkesanan projek inovasi yang dihasilkan.
- iv. Tahap pelaksanaan projek – Pemohon perlu memberi penerangan mengenai perkara-perkara seperti berikut:
 - a) Terdapat bukti projek inovasi telah berjaya dikomersialkan di pasaran antarabangsa; atau
 - b) Terdapat bukti projek inovasi telah berjaya dikomersialkan di pasaran tempatan; atau
 - c) Projek inovasi berada di peringkat prototaip.

- v. Projek inovasi yang telah berjaya dikomersialkan di pasaran antarabangsa (*international market penetration*) akan dipertimbangkan bagi kategori Anugerah Inovasi PERDANA

3. TATACARA PERMOHONAN

Pemohon yang hendak menyertai AITS hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- i. Melengkapkan borang permohonan dengan ditandatangani oleh Ketua Agensi/Majikan/Ketua Projek – **Lampiran B**
- ii. Menyediakan laporan inovasi yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a) Maklumat ringkas mengenai agensi, syarikat, bahagian, seksyen, unit atau individu yang memperkenalkan inovasi;
 - b) Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan dan lokasinya;
 - c) Penerangan ringkas mengenai tahap pelaksanaan projek – prototaip/pre-pengkomersialan/pengkomersialan dan lampirkan bukti;
 - d) Masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan;
 - e) Impak/faedah-faedah pelaksanaan inovasi; dan
 - f) Dokumen-dokumen sokongan termasuk gambar pembangunan projek/ujilari/iklan produk dan lain-lain berkaitan projek inovasi yang boleh membantu permohonan.

- iii. Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan inovasi kepada urus setia seperti di bawah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan, sama ada melalui pos atau e-mel ke alamat faris@isn.gov.my / mfauzi@isn.gov.my .

Urus Setia Jawatankuasa Pengkomersialan R&D
Bahagian Strategik dan Pengkomersialan
Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
(u.p.: Ts. Mohamad Fauzi bin Ibrahim)

PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENERIMA AITS

i. Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

ii. Peringkat Kedua : Penilaian Inovasi Berasaskan Laporan

Semua projek inovasi yang memenuhi syarat penyertaan akan dinilai oleh panel penilai dalaman dari Cawangan ISN Tech (Teknikal) dan ISN Niaga (Pengkomersialan).

iii. Peringkat ketiga : Keputusan Muktamad Penerima Anugerah Inovasi oleh Jawatankuasa Pengkomersialan R&D ISN/Panel Penilai AITS

Senarai finalis AITS yang telah dipilih oleh panel penilai dalaman akan dibentangkan atau diedarkan kepada Jawatankuasa Pengkomersialan R&D ISN/Panel Penilai AITS untuk keputusan muktamad.

**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI SUKAN KEBANGSAAN (AITS)**

1. Maklumat Agensi/Syarikat/Jabatan/Ketua Projek:

**Nama Agensi/
Sarikat/Jabatan/
Ketua Projek:** _____

Alamat: _____

No. Telefon: _____ **No. Faks :** _____

2. Tajuk Projek Inovasi:

3. Pasaran Produk Inovasi Teknologi Sukan (Antarabangsa/Domestik/Tidak berkaitan)*

**Potong yang mana tidak berkenaan*

4. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Telefon: _____ **No. Faks:** _____

Emel: _____

5. Pengesahan Ketua Agensi/Majikan/Ketua Projek:

Tandatangan

**Cop Agensi/Syarikat/Jabatan
(Bagi yang berkaitan)**

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

TATACARA PERMOHONAN AITS 2024

A. Pemohon perlulah menyertakan perkara-perkara berikut ketika membuat permohonan :

1. **Borang permohonan (Lampiran B)**

2. **Laporan Inovasi :**

a) Merangkumi :

- i) Perkara 3(ii) a-f di dalam Garis Panduan
- ii) Perkara 2.7 di dalam Garis Panduan (yang berkaitan)

- b) Menggunakan Kertas/Saiz A4
- c) Tidak melebihi 50 muka surat
- d) Menggunakan 1.5 *line spacing*
- e) Jenis *font* - Arial
- f) Saiz *font* - 12

B. Semua maklumat yang lengkap bolehlah dialamatkan ke :

Urus Setia Jawatankuasa Pengkomersialan R&D
Bahagian Strategik dan Pengkomersialan
Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
(u.p.:Ts. Mohamad Fauzi bin Ibrahim)

atau e-mel : faris@isn.gov.my / mfauzi@isn.gov.my